

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN (ILP) / CAWANGAN ILP

1. Syarat-syarat Permohonan bagi pembaharuan lesen Institut Latihan Pelancongan (ILP) / Cawangan ILP

- a) Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat secara **atas talian** (*online*) melalui www.spip.gov.my.
- b) Permohonan hendaklah dikemukakan seawal 60 hari dan tidak lewat dari 30 hari sebelum tamat tempoh sahlaku lesen. Bagi lesen yang telah tamat tempoh melebihi satu tahun syarikat perlu membuat permohonan baharu.
- c) Permohonan pembaharuan lesen ILP yang diterima oleh Ibu Pejabat atau MOTAC Negeri selepas tamat tempoh sahlaku akan dikenakan kompaun. Permohonan hanya akan diproses selepas bayaran kompaun dijelaskan.
- d) Syarikat hendaklah menjelaskan semua tunggakan kompaun yang perlu dibayar di bawah Akta Industri Pelancongan (AIP)1992 [Akta 482] seperti berikut:- (jika ada)

Bil	Jenis Kesalahan	Kompaun (RM)
1.	Seksyen 32 (1) – Lewat Memperbaharui Lesen	300
2.	Peraturan 6(1)(b) – Membuat perubahan tanpa kelulusan Pesuruhjaya kepada status syarikat termasuk perubahan nama syarikat, modal syer, pemegang syer atau pengarah	300
3.	Peraturan 6(1)(c) – Mengubah lokasi premis Institut Latihan Pelancongan tanpa kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.	1000

2. **Fi Proses**

Fi proses adalah sebanyak **RM20.00** dalam bentuk Draf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara **atas talian** (*online*) melalui (www.spip.gov.my).

3. **Fi Lesen**

Fi lesen adalah sebanyak **RM250.00 setahun** dalam bentuk dalam bentuk Draf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos atau pembayaran secara online atas nama Pesuruhjaya Pelancongan

4. Tempoh maksimum lesen boleh **diperbaharui adalah selama 3 tahun.**

5. **Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi permohonan pembaharuan lesen ILP / Cawangan ILP.** Semua salinan dokumen seperti dinyatakan dalam senarai semak hendaklah dikemukakan secara atas talian dan **mestilah ditandatangani oleh Pengarah dan dilengkapi dengan cop syarikat.**

Nota:

- 1) Penyata Bank Syarikat bagi tempoh 6 bulan terkini
- 2) Perjanjian sewaan premis dan lot-lot ILP yang masih berkuatkuasa
- 3) e-info terkini (Laporan Audit telah diserahkan di SSM)
 - a) Borang 49, 32A Seksyen 58 dan Seksyen 105 Akta Syarikat 2016
 - b) Seksyen 78 (jika berkenaan)
- 4) Salinan Sijil Pentauliahan (jika berkenaan)

*NOTA:

Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk bank draf / kiriman wang / wang pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara atas talian (online) (www.spip.gov.my).

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan fail Kementerian ini (jika ada) hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang bank draf/kiriman wang/wang pos berkenaan.

BAHAGIAN PELESENAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
Tarikh Kemaskini: 1 Oktober 2019